


- 1 Rajah 1 di bawah berkaitan dengan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP).




Rajah 1

Pernyataan yang manakah betul menerangkan rajah tersebut?

	Titik	Keterangan
A	J	Berlaku pembaziran sumber
B	G	Ketidakcekapan pengeluaran
C	K → I	Pilihan kombinasi pengeluaran
D	F → H	Wujud kos lepas dari titik F ke H

- 2 Pernyataan yang manakah betul tentang penyelesaian masalah teknik pengeluaran bagi sistem ekonomi kapitalis?
- A Subsidi dapat mengurangkan kos pengeluaran
 - B Keputusan firma mempengaruhi jumlah penghasilan output
 - C Motif pengeluar adalah untuk memaksimumkan keuntungan
 - D Pendapatan pengguna menentukan corak pengagihan barangan

- 3 Pernyataan yang manakah menerangkan keluk permintaan?
- A Perubahan harga menyebabkan berlaku pergerakan titik di atas keluk yang sama
 - B Keluk menunjukkan hubungan yang positif antara harga dengan kuantiti diminta
 - C Perubahan kuantiti diminta menyebabkan peralihan keluk ke kanan
 - D Keluk permintaan mencerun ke bawah dari kanan ke kiri
- 4 Rajah 2 di bawah menunjukkan keluk permintaan bagi suatu barang.



Rajah 2


Pernyataan yang manakah betul berkaitan dengan rajah tersebut?

- A Perubahan harga P₀ ke P₁ berhubung secara positif dengan kuantiti Q₀ ke Q₁
- B Perubahan titik M ke titik L menggambarkan berlaku penguncupan permintaan
- C Pergerakan titik M ke N disebabkan oleh peningkatan pendapatan
- D Pergerakan kuantiti Q₀ ke Q₂ merupakan perubahan permintaan

5 Pasangan yang manakah betul?

	Rajah	Keterangan
A		Harga barang pengganti menurun
B		Jangkaan harga akan naik pada masa hadapan
C		Penurunan kadar cukai pendapatan individu
D		Citarasa pengguna meningkat

- 6 Pernyataan yang manakah menerangkan tentang konsep penawaran?
- A Bentuk keluk penawaran mencerun ke atas dari kanan ke kiri
 - B Keluk penawaran individu lebih landai daripada keluk penawaran pasaran
 - C Hubungan antara harga dan kuantiti barang yang ditawarkan adalah positif
 - D Peningkatan harga barang itu menyebabkan berlaku pertambahan penawaran
- 7 Rajah 3 di bawah menunjukkan penawaran suatu barang.



Rajah 3

Pernyataan yang manakah betul tentang rajah tersebut?


- A Menunjukkan pengembangan penawaran
- B Kesan peningkatan dalam teknologi
- C Berlaku pertambahan penawaran
- D Peruntukan subsidi meningkat

- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan satu penentu penawaran.


PUTRAJAYA: Kerajaan bersetuju untuk meneruskan pemberian subsidi kepada penternak ayam hingga Disember ini.

Sumber: Diubah suai daripada Bernama, 9 Oktober 2022

Rajah yang manakah betul berkaitan dengan maklumat tersebut?



- 9 Rajah 4 di bawah berkaitan dengan keseimbangan pasaran.



Rajah 4

Pernyataan yang manakah betul?

- A Harga menurun daripada RM12 ke RM10 menyebabkan penawaran meningkat sebanyak 8 unit
 - B Pengembangan permintaan daripada 4 unit ke 8 unit berlaku akibat peningkatan pendapatan
 - C Tiada lebih permintaan dan penawaran pada tingkat harga RM10
 - D Lebih permintaan sebanyak 10 unit berlaku pada harga RM9
- 10 Pernyataan yang manakah betul tentang keanjalan harga permintaan tak anjal?
- A Pengguna sangat responsif terhadap perubahan harga
 - B Contoh barang ialah barang keperluan
 - C Nilai pekali lebih daripada satu
 - D Kecerunan keluk adalah landai

- 11** Pilih pernyataan yang betul tentang penentu keanjalan harga permintaan anjal.
- I** Cita rasa
 - II** Pendapatan
 - III** Ketahanan barang
 - IV** Bilangan barang pengganti
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 12** Pengeluar perlu meningkatkan harga barang untuk memaksimumkan jumlah hasil jika barang tersebut
- A** darjah ketagihan barang adalah rendah
B tidak mempunyai banyak barang pengganti
C nisbah pendapatan yang dibelanjakan adalah besar
D jenis barang yang dikeluarkan adalah barang mewah
- 13** Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan keanjalan harga penawaran tak anjal?
- I** Keluk penawaran adalah curam
 - II** Pekali keanjalan kurang daripada satu
 - III** Penjual responsif terhadap perubahan harga
 - IV** Peratus perubahan kuantiti lebih besar daripada perubahan harga
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 14 Maklumat di bawah berkaitan dengan satu perkhidmatan bank perdagangan.

Cik Intan membuka akaun semasa di sebuah bank. Dia membeli polisi insurans nyawa dengan bayaran sebanyak RM250 sebulan. Dia mengarahkan pihak bank membuat bayaran tersebut bagi pihak dirinya pada setiap 3 hari bulan.

Apakah perkhidmatan bank tersebut?

- A Draf bank
 - B Overdraf bank
 - C Pindahan kredit
 - D Perintah sedia ada
- 15 Apakah aktiviti ekonomi yang tergolong dalam sektor kedua?
- A Penanaman kelapa sawit dan pembinaan jalan raya
 - B Pembinaan rumah dan perusahaan perabot
 - C Perusahaan tekstil dan perkhidmatan hotel
 - D Perlombongan dan perkhidmatan insurans
- 16 Maklumat di bawah berkaitan dengan jenis pendapatan Encik Remy.

- Seorang pesara tentera
- Isteri bekerja sebagai jururawat
- Mengusahakan ladang harum manis
- Menerima pulangan daripada orang yang menggunakan tanah miliknya.

Apakah jenis pendapatan produktif yang diterima oleh Encik Remy?

- I Upah
 - II Sewa
 - III Untung
 - IV Pencen
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Lihat halaman sebelah
SULIT



- 17 Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan dan potongan wajib Puan Shasha bagi tempoh satu bulan.

Butiran	RM
Zakat	150
KWSP	200
Insurans	60
Sewa rumah	400
Cukai pendapatan	55

Berapakah jumlah potongan wajib Puan Shasha?

- A RM405
 B RM410
 C RM455
 D RM465
- 18 Pilih pasangan pernyataan yang tepat.

	Keperluan	Kehendak
A	Harga tidak stabil	Harga stabil
B	Pelbagai pilihan barang	Pilihan barang terhad
C	Untuk meneruskan hidup	Untuk keselesaan hidup
D	Banyak barang pengganti	Tiada barang pengganti

- 19 Jadual 1 di bawah berkaitan dengan perbelanjaan bagi seorang individu.

Bulan	Jumlah Perbelanjaan (RM)
Mac	3 000.00
April	4 000.00

Jadual 1

Perubahan corak perbelanjaan adalah disebabkan oleh

- A bilangan barang pengganti bertambah
 B cukai pendapatan meningkat
 C harga barangan menurun
 D cita rasa yang bertambah

- 20** Gambar 1 di bawah merupakan sejenis input yang digunakan dalam proses pengeluaran suatu barang.



Gambar 1

Pernyataan yang manakah betul berkaitan gambar di atas?

- A** Wujud pada tingkat pengeluaran sifar
 - B** Wujud dalam jangka masa panjang sahaja
 - C** Kuantiti input berkadar langsung dengan keluaran
 - D** Pembayaran ke atas input merupakan kos berubah
- 21** Pernyataan manakah yang betul tentang kos tetap?
- A** Kos yang ditanggung untuk mengeluarkan seunit output
 - B** Wujud dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang
 - C** Pembayaran yang perlu dilakukan walaupun pengeluaran belum bermula
 - D** Pembelian yang dilakukan untuk mendapatkan bahan mentah dalam proses pengeluaran
- 22** Pilih pernyataan yang benar mengenai hukum pulangan berkurangan dalam pengeluaran firma.
- A** Berlaku kemajuan yang berterusan dalam tingkat teknologi pengeluaran
 - B** Jumlah keluaran firma semakin meningkat apabila penggunaan input bertambah
 - C** Jumlah keluaran semakin menurun jika input berubah ditambah berterusan ke atas input tetap
 - D** Gabungan yang paling cekap antara input berubah dan input tetap untuk menambah output

- 23** Maklumat berikut menunjukkan hasil dan kos Syarikat Mutiara Sdn. Bhd.

Jumlah Keluaran	2000 unit
Harga seunit	RM15
Sewa Kilang	RM3 000
Bahan Mentah	RM12 000
Buruh	RM5 000
Bahan api	RM2 000

Berapakah untung yang diperoleh syarikat tersebut?

- A** RM8 000
 - B** RM12 000
 - C** RM15 000
 - D** RM18 000
- 24** Kerajaan Malaysia merupakan majikan terbesar di Malaysia dengan kakitangan seramai 1.6 juta orang.
Bagaimanakah peranan kerajaan tersebut dapat membantu ekonomi negara?
- A** Mengurangkan kadar inflasi
 - B** Meningkatkan taraf hidup masyarakat
 - C** Memperbaiki imbalan pembayaran Malaysia
 - D** Mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing
- 25** Manakah yang menyebabkan inflasi tolakan kos?
- A** Pertambahan kos bahan api
 - B** Pengembangan kredit bank perdagangan
 - C** Peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan
 - D** Peningkatan dalam perbelanjaan penggunaan

- 26** Apakah kesan ke atas ekonomi jika bank pusat terus menaikkan kadar faedah ketika berlaku masalah inflasi?
- I** Firma mampu mengeluarkan lebih banyak barang
 - II** Perbelanjaan agregat pengguna terus menurun
 - III** Pertumbuhan ekonomi semakin lancar
 - IV** Kadar pengangguran meningkat
- A** I dan II
 - B** I dan III
 - C** II dan IV
 - D** III dan IV

- 27** Maklumat di bawah berkaitan sejenis pengangguran.

Isu pengangguran terutama melibatkan graduan bukan kerana kekurangan pekerjaan tetapi berpunca daripada sikap terlalu memilih pekerjaan.

Pernyataan manakah yang berkaitan dengan pengangguran di atas?

- A** Bersifat jangka panjang
 - B** Berlaku kemelesetan ekonomi
 - C** Peralihan pekerjaan akibat kehausan sumber asli
 - D** Peluang mendapat gaji yang tinggi menjadi keutamaan
- 28** Cukai langsung adalah cukai yang dikenakan terhadap
- A** pemilik rumah
 - B** pembeli kereta dari Korea
 - C** getah yang dieksport ke Singapura
 - D** pengambilan buruh asing dari Nepal

- 29** Maklumat di bawah berkaitan dengan matlamat dasar kewangan.

Menambah bekalan wang dalam ekonomi

Cara pelaksanaan manakah yang berkaitan dengan dasar kewangan di atas?

- I Mengurangkan kadar cukai
- II Membeli surat jaminan kerajaan
- III Menurunkan nisbah rizab berkanun
- IV Meningkatkan perbelanjaan kerajaan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 30** Apakah kesan penurunan kadar faedah terhadap pengguna?

- A Kos pinjaman meningkat
- B Pengguna akan mengurangkan jumlah pinjaman
- C Perbelanjaan pengguna dalam ekonomi meningkat
- D Pengguna perlu menyediakan lebih wang semasa berbelanja

- 31** Maklumat yang manakah betul tentang pelaksanaan dasar fiskal dalam mencapai objektif makroekonomi?

	Objektif makroekonomi	Tindakan	Kesan
A	Guna tenaga penuh	Menurunkan kadar cukai	Peluang pekerjaan menurun
B	Kestabilan harga	Menurunkan perbelanjaan kerajaan	Tingkat harga umum naik
C	Pertumbuhan ekonomi	Menaikkan kadar cukai	Pertumbuhan ekonomi pesat
D	Kestabilan Imbangan pembayaran	Meningkatkan perbelanjaan kerajaan	Aliran masuk wang meningkat

- 32** Antara berikut, yang manakah betul berkaitan dengan kepentingan perdagangan antarabangsa?
- I** Menggalakkan mobiliti tenaga buruh
 - II** Meningkatkan harga produk tempatan
 - III** Menggalakkan persaingan antara firma
 - IV** Meningkatkan kecekapan pengeluaran
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV
- 33** Apakah kesan positif pelaksanaan tarif dalam kegiatan perdagangan antarabangsa?
- A** Harga barang diimport akan menurun
 - B** Permintaan barang diimport akan meningkat
 - C** Penurunan guna tenaga dalam negara tempatan
 - D** Perbelanjaan negara ke atas barang import menurun
- 34** Situasi manakah yang menerangkan tentang import tak nampak Malaysia?
- A** Universiti Sains Malaysia membayar gaji pensyarah dari Jepun
 - B** Syarikat dari China membuka kilang memproses mineral di Perak
 - C** Kerajaan Perancis membayar bil utiliti untuk kedutaannya di Malaysia
 - D** Pelancong dari Singapura menginap di sebuah hotel di Pulau Langkawi

- 35** Maklumat berikut berkaitan dengan satu rekod dalam imbalan dagangan sebuah negara X.

Eksport	RM750 juta
Import	RM858 juta

Pernyataan yang manakah betul tentang urus niaga tersebut kepada negara X?

- I Berlaku imbalan dagangan kurangan
 - II Menyebabkan nilai ringgit cenderung jatuh
 - III Berlaku disebabkan oleh harga eksport lebih murah berbanding harga import
 - IV Menunjukkan jumlah pembayaran wang kurang daripada jumlah penerimaan wang
- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV
- 36** Situasi yang manakah menyebabkan berlakunya penawaran mata wang asing?
- A** Syarikat Perdana mengambil alih sebuah kilang pakaian milik Jepun di Melaka
- B** Sebuah syarikat dari Korea mengimport minyak kelapa sawit daripada Felda Plantation
- C** MARA membayar gaji pensyarah dari United Kingdom di Kolej Profesional MARA Banting
- D** Kerajaan membeli vaksin Pfizer dari Jerman bagi melaksanakan program imunisasi kebangsaan

Soalan 37 hingga soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual berikut.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 37** **I** Sektor primer melibatkan aktiviti pemprosesan bahan mentah menjadi barang siap.
- II** Contoh aktiviti sektor primer ialah pembinaan.
- 38** **I** Eksternaliti ialah kos atau faedah yang tidak diambil kira dalam pengeluaran dan penggunaan sesuatu barang dan perkhidmatan.
- II** Contoh faedah sosial ialah program latihan kemahiran kepada pekerja.
- 39** **I** Globalisasi ialah interaksi dan integrasi antara manusia, firma dan kerajaan sebuah negara.
- II** Perkembangan dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menyebabkan wujudnya globalisasi dalam pasaran baharu.
- 40** **I** Imbangan dagangan terdiri daripada imbangan dagangan lebihan, imbangan dagangan seimbang dan Imbangan dagangan defisit.
- II** Imbangan dagangan merekod perbezaan nilai eksport tak nampak dan nilai import tak nampak.

KERTAS SOALAN TAMAT